

26/01/2003

Kerajaan Barat kurang dapat sokongan rakyat

Mior Kamarul Shahid

DAVOS (Switzerland): Rakyat terutama di negara Barat menunjukkan mereka tidak lagi meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap pelbagai institusi termasuk kerajaan masing-masing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selaras dengan tema Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33, Membina Amanah, bagi meningkatkan semula keyakinan terhadap pelbagai institusi penting, korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya, Perdana Menteri berkata sokongan kepada institusi dan kerajaan di Barat kini berbelah-bagi.

"Ternampak jelas orang di Barat sedar bahawa sudah tidak ada kepercayaan kepada pelbagai institusi termasuk kerajaan," katanya pada sidang media sebelum berlepas Zurich, semalam setelah menghadiri WEF selama tiga hari di sini, semalam.

Satu kaji selidik WEF akhir tahun lalu menunjukkan sikap amanah di institusi penting merosot dengan begitu teruk akibat salah laku, skandal dan sebagainya.

Kajian yang diterbitkan oleh The Voice of the People dijalankan oleh Gallup International and Environics International membabitkan 36,000 responden mendedahkan bahawa institusi demokratik di setiap negara seperti institusi Parlimen dan Kongres adalah antara yang kurang dipercayai daripada institusi yang dikaji termasuk syarikat global.

Dua pertiga daripada responden tidak bersetuju bahawa negara mereka diperintah menerusi kuasa rakyat. Kajian mendapati institusi seperti pasukan keselamatan masih mendapat kepercayaan yang tinggi.

Hasil kajian menunjukkan sikap amanah di dalam institusi demokratik dan global serta syarikat negara yang besar bertambah kurang sama seperti dihadapi badan bukan kerajaan (NGO) dan kesatuan sekerja.

Dr Mahathir berkata beliau turut ditanya sama ada keadaan itu turut berlaku di Malaysia.

"Kita mendapat majoriti yang besar berkali-kali. Kita dapat sokongan. Kita dapati sokongan pada institusi dan kerajaan di Barat berbelah bagi. Kadang-kadang kemenangan pihak yang menjadi kerajaan ialah daripada golongan minoriti. Misalnya, kalau dalam sebuah negara ada pilihan raya, yang mengundi hanya 25 peratus. Yang mendapat undi majoriti 13 peratus. Ini bermakna mereka yang mendapat sokongan 13 peratus menjadi kerajaan manakala bakinya tidak memberi kepercayaan kepada kerajaan.

Di Malaysia kita ada pilihan raya dengan 85 peratus rakyat keluar mengundi.

"Kita mendapat sokongan yang besar, bermakna kita mendapat sokongan yang betul-betul majoriti," katanya.

Dr Mahathir berkata media juga memainkan peranan yang besar di Barat kerana ia membentuk fikiran untuk menyokong mana-mana parti. Oleh kerana pengaruh media terlalu besar maka pemilihan yang dibuat tidak bijak kerana media mempunyai agenda yang tersendiri.

"Kita dapati di sesetengah negara hanya seorang mengawal banyak akhbar, stesen television, syarikat filem. Pengaruh mereka begitu besar," tambahnya.

Semalam, Dr Mahathir turut menerima kunjungan Presiden Kazakhstan, Nursultan A Nazarbayev, Perdana Menteri Mongolia, Nambar Enkhbayar dan Perdana Menteri Ukraine, Victor F Yanukovych.